

CADANGAN TEMA DAN SUBTEMA PENYELIDIKAN

A. Kepelbagaian Landskap dan Geologi Batu Kapur Kars di Malaysia

1. Geomorfologi dan proses kars tropika.
2. Sedimentologi dan stratigrafi batu kapur kars tropika.
3. Kajian kepelbagaian fosil dan fitur kars bernilai geowarisan tinggi.
4. Pemetaan dan penilai geotapak kars tropika.
5. Pembangunan dan pengurusan geotapak untuk pemeliharaan, pemuliharaan dan geopelancongan.
6. Kajian kestabilan landskap kars dan geobencana di kars tropika.
7. Pencirian dan penilaian batu kapur sebagai bahan binaan dan industri.
8. Penerokaan dan pengkuarian lestari.

B. Kepelbagaian Biologi, Habitat dan Ekosistem Kars Tropika

1. Pencirian tanah dan komuniti tumbuhan habitat kars.
2. Pencirian kepelbagaian spesies burung di habitat kars tropika.
3. Pencirian kepelbagaian spesies hidupan liar vertebrata di habitat kars tropika.
4. Strategi penyesuaian flora di habitat kars tropika.
5. Dinamik ekologi tumbuhan kars tropika.
6. Tingkah laku dan strategi kelangsungan hidup fauna di kars tropika.
7. Pencirian kepelbagaian mikrokrustasia di habitat tasik (dolina) habitat kars tropika.

C. Aspek Geoarkeologi di Landskap Kars Tropika

1. Pemetaan dan kajian saintifik terhadap gua dan pelindung batuan di landskap batu kapur.
2. Pemetaan geofizik untuk penentuan potensi gua dan pelindung batuan yang mempunyai bukti arkeologi.
3. Kajian arkeologi saintifik - ekskavasi terhadap gua dan pelindung batuan yang berpotensi arkeologi.
4. Pencirian dan penilaian artifak dan ekofak yang ditemui serta kaitannya dengan kebudayaan Paleolitik, Neolitik dan Logam.
5. Penentuan gua dan pelindung batuan yang mempunyai kaitan dengan kehidupan Masyarakat Orang Asli dan yang dijadikan kawasan ibadah agama Buddha dan Hindu.
6. Pemetaan dan kajian saintifik lukisan gua.
7. Kajian paleoalam yang berkaitan dengan penghunian gua oleh masyarakat awal.
8. Pembangunan dan pemantapan polisi warisan arkeologi yang dapat melindungi gua dan pelindung batuan yang mempunyai bukti penting.
9. Pembangunan dan pengurusan tapak geoarkeologi untuk pemuliharaan, pemeliharaan dan pelancongan.
10. Pembangunan kemudahan prasarana yang dapat mempamerkan bukti geoarkeologi yang ditemui.

D. Pengurusan Lestari Sumber Batu Kapur (Industri Pembinaan)

1. Penerokaan dan penggunaan teknologi hijau dalam memanfaatkan sumber secara berhemah di kawasan landskap batu kapur kars.
2. Menangani risiko perubahan iklim terhadap sumber air di kawasan landskap batu kapur kars.
3. Nilai dan fungsi kawasan landskap batu kapur kars dalam konteks pembangunan mampan.
4. Hubungan antara urbanisasi dan kawasan landskap batu kapur kars.
5. Kerelevanan ekologi kawasan landskap batu kapur kars dalam pembangunan ekonomi circular.
6. Perspektif menang menang dalam mencari peluang keusahawanan demi kesinambungan pemuliharaan kawasan landskap batu kapur kars.

E. Penggunaan Lestari Landskap Kars Batu Kapur Tropika untuk Pemuliharaan dan Pendidikan Awam (Pelancongan Ilmu)

1. Keterjaminan air di kawasan landskap batu kapur kars.
2. Neksus Air-Pertanian-Tenaga untuk kelestarian kawasan landskap batu kapur kars.
3. Pengukuhan kepimpinan daerah dan tempatan demi kelestarian sistem ekologi kawasan landskap batu kapur kars.
4. Perlaksanaan SDGs secara mantap di kawasan landskap batu kapur kars.
5. Kajian dasar dan pengukuhan institusi pengurusan sumber asli dan risiko perubahan iklim di kawasan landskap batu kapur kars.
6. Kerelevanan ekologi kawasan landskap batu kapur kars dalam pembangunan ekonomi circular.
7. Perspektif menang menang dalam mencari peluang keusahawanan demi kesinambungan pemuliharaan kawasan landskap batu kapur kars.
8. Konservasi kawasan landskap batu kapur kars dalam konteks syariah dan kekhalfahan alam sekitar.
9. Pendidikan dan penyelidikan berinovasi demi kelestarian khazanah alam di kawasan landskap batu kapur kars.
10. Penglibatan masyarakat peribumi dan istimewa untuk lonjakan keberuntungan bersama di kawasan landskap batu kapur kars.